

29 SEP 2003

Mahathir-Perkhidmatan

DR MAHATHIR MINTA WARGA KERJA PERBENDAHARAAN TINGKATKAN TAHAP PERKHIDMATAN

PUTRAJAYA, 29 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta anggota kerja Perbendaharaan, Kementerian Kewangan memperbaiki tahap perkhidmatan kepada rakyat yang sentiasa inginkan hak dan kehendak mereka dipenuhi.

"Sebab itu dalam bajet yang baru kita perkenalkan kita beri penekanan mengenai `delivery system' yang bermakna khidmat yang kita beri kepada rakyat supaya mereka mendapat apa yang menjadi hak dan keperluan mereka," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata oleh itu, warga kerja Perbendaharaan harus menerima teguran daripada rakyat dan memeriksa diri sama ada khidmat yang diberikan boleh diperbaiki lagi.

"Dengan itu kita harus terima teguran terutamanya melalui akhbar yang kadang-kadang menyakitkan hati dan kita perlu periksa diri kita sama ada kita boleh perbaiki khidmat yang diberikan," katanya pada majlis sambutan Hari Kualiti Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata dengan khidmat terbaik yang disediakan di Perbendaharaan akan membantu dalam usaha negara mendapat hasil pulangan yang lebih.

"Kita harus ingat bahawa khidmat yang kita beri itu bukan sahaja menguntungkan mereka (rakyat) tetapi juga menguntungkan kita," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata dengan perkhidmatan yang cekap, kerajaan akan mendapat pulangan hasil yang lebih baik dari segi sistem pungutan cukai dan lain-lain bentuk cukai seperti eksais dan duti daripada individu serta syarikat yang cekap.

"Kalau beri khidmat yang baik, dapatlah kerajaan meningkatkan hasil pulangannya," kata beliau lagi.

Katanya dengan ramai individu yang berjaya dalam sektor perniagaan dan perusahaan dan mendapat keuntungan yang banyak membolehkan mereka membayar cukai dengan lebih banyak.

Dr Mahathir berkata pendapatan yang diperolehi daripada pembayaran cukai akan digunakan untuk membayar gaji dan upah.

"Apabila kita dapat pungut cukai dengan lebih banyak sama ada cukai pendapatan dan cukai barangan yang dibawa masuk ke dalam negara kita dan bermacam-macam eksais dan duti yang kita kenakan, maka apabila jumlah cukai meningkat maka ianya diguna untuk membayar gaji dan upah," katanya.

Beliau berkata sudah tentu apabila pungutan cukai dapat ditingkatkan maka upah juga akan meningkat.

Dr Mahathir berkata di kalangan negara-negara anggota Asean, kadar pembayaran upah dan gaji di Malaysia dilihat kedua tertinggi selepas Singapura.

"Sebabnya ialah kerana kita dapat memajukan negara kita dan ramai daripada rakyat negara kita ini berjaya dalam bidang perniagaan dan perusahaan dan membayar cukai kepada kerajaan yang mana cukai inilah yang dibelanjakan oleh kerajaan untuk membayar gaji untuk membangunkan negara, menyediakan kemudahan-kemudahan supaya kehidupan jadi lebih sempurna," kata Perdana Menteri.

Sementara itu, ketika melancarkan Sistem Maklumat Syarikat-syarikat Kerajaan dan Badan-badan Berkanun (GSIS) kemudian, Perdana Menteri berkata Perbendaharaan memerlukan sistem pengurusan dan pemantauan kewangan serta rekod kewangan yang baik.

Dr Mahathir berkata butiran berkaitan kewangan dan perbelanjaan syarikat-syarikat kerajaan dan badan-badan berkanun perlu direkodkan supaya memudahkan pemantauan dilakukan apabila timbul masalah kemudian.

"Dalam pengurusan kewangan tiada apa yang lebih penting selain mencatat segala perbelanjaan. Ianya perlu dicatatkan," katanya.

Melalui GSIS, beliau berkata pemantauan terhadap pengurusan kewangan dapat dibuat di mana-mana dengan segera secara elektronik.

Katanya semua butiran perlu direkodkan dalam borang yang standard atau mengikut format khas agar ianya dapat menyelesaikan masalah "apa yang perlu diteliti dan bentuk maklumat yang diperlukan."

Perdana Menteri berkata sebagai contoh di dalam industri pelabuhan tempatan, terdapat format yang baik dan bersesuaian dalam sistem laporan mengenai maklumat yang berkaitan, antaranya termasuk daya pemprosesan kontena dan jumlah.

Negara, katanya perlu mempunyai sistem laporan kewangan yang baik agar sebarang kepincangan dan pengurusan kewangan yang kurang bersesuaian boleh dielakkan seperti kes pemalsuan cek kerajaan Pulau Pinang baru-baru ini yang membawa kepada penahanan beberapa orang yang disyaki.

GSIS merupakan sistem maklumat bertujuan membolehkan kerajaan memantau prestasi syarikat-syarikat Menteri Kewangan diPerbadankan melalui analisis data kewangan dan bukan kewangan termasuk tadbir urus korporat.

Sistem ini yang diperkenalkan hasil kejayaan beberapa siri projek perintis yang dilakukan terhadap 30 syarikat kerajaan, juga berfungsi sebagai "sistem amaran awal" supaya tindakan sewajarnya dapat diambil oleh kerajaan dengan pantas.

-- BERNAMA

RIZ ROS